

**DRAF TEKS UCAPAN PERASMIAN YB. TIMBALAN
MENTERI KERJA RAYA SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
“PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT KERJA-KERJA
MENGECAT DAN LATIHAN PRAKTIKAL” PADA 20 APRIL
2014 (AHAD) DI SURAU KG GANA, PAPAR, SABAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

(salutasi)

Pertama-tamanya saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini sempena “Program Khidmat Masyarakat Kerja-Kerja Mengecat Dan Latihan Praktikal” anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah melalui Pejabat Daerah Papar, Sabah. Di kesempatan ini juga, marilah kita sama-sama berdoa agar

Allah S.W.T memberikan kesejahteraan kepada anak-anak kapal dan penumpang pesawat MH370.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak urusetia bersama program pada hari ini iaitu Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Pejabat Daerah Papar, Sabah kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan program pada hari ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada PKK dan Pejabat Daerah Papar yang telah bekerjasama dalam memastikan program ini dapat berjalan dengan lancar pada hari ini. Semangat kesepakatan dan kerjasama ini wajar diteruskan dan menjadi budaya positif yang sentiasa diamalkan selalu supaya hasil daripada kerjasama sebegini dapat memberi peluang kepada rakyat dalam mengecapi nikmat pembangunan negara.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kontraktor dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta penduduk

Kampung Gana yang hadir kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menyertai program pada hari ini. Tanpa kehadiran dan kerjasama tuan/puan, program pada hari ini tidak dapat berjalan dengan lancar.

Saya amat berharap agar budaya kerjasama ini sentiasa diamalkan selalu, tanpa mengira lapisan masyarakat agar kita semua dapat bersatu dalam usaha-usaha membangunkan negara. Hal ini kerana peranan membangunkan Negara ini bukanlah semata-mata terletak di bahu kerajaan sahaja tetapi juga rakyat dan segenap lapisan masyarakat turut sama memainkan peranan.

Hal ini kerana kejayaan ekonomi dan kemakmuran negara yang sedang kita kecapi sekarang adalah hasil gabungan usaha gigih Kerajaan, masyarakat setempat, sektor swasta dan para kontraktor. Kunci kepada kejayaan ini juga adalah hasil kerjasama yang padu daripada semua pihak. Persefahaman dan kefahaman tentang matlamat yang

hendak dituju dan peranan yang perlu dimainkan oleh setiap pihak amat penting di dalam menjayakan inspirasi Kerajaan.

Tuan – Tuan dan Puan – Puan,

Untuk makluman tuan/puan, objektif program kita pada hari ini adalah seperti berikut :

- I. Memberi pendedahan kepada kontraktor Bumiputera dan penduduk setempat dalam aspek teknikal membaikpulih serta latihan praktikal mengecat.
- II. Melaksanakan satu bentuk khidmat sosial (CSR) para kontraktor Bumiputera kepada masyarakat.
- III. Merapatkan ikatan tali persaudaraan antara kontraktor Bumiputera dan masyarakat setempat.
- IV. Memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera setempat untuk meluaskan jaringan perniagaan melalui sesi interaksi dan perkongsian pengalaman sesama mereka.

Alhamdulillah, melihat kepada kehadiran tuan/puan pada hari ini saya percaya objektif dan sasaran untuk melibatkan seramai 150 orang kontraktor Bumiputera (Gred G1-G7) dan lebih 150 penduduk Kampung Gana, Papar adalah tercapai. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, aktiviti utama program ini ialah ceramah berkenaan kaedah mengecat dan disusuli dengan latihan praktikal mengecat surau Kampung Gana, Papar. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan secara bergotong-royong antara kontraktor dan penduduk kampung. Semoga usaha-usaha ini diberkati Allah S.W.T dan dapat membantu memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat di sini.

Selain itu, saya juga percaya program sebegini dapat memberikan kesedaran dan mengukuhkan lagi ikatan tali persaudaraan di antara tuan-tuan dan puan-puan selaku pemain industri dengan penduduk kampung ini. Di samping itu, ia dapat memberi peluang dan ruang kepada kontraktor untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman serta pengetahuan di antara satu sama lain, seterusnya meluaskan jaringan

perniagaan. Hal ini kerana dalam menguruskan perniagaan masing-masing, tuan-tuan haruslah sedar tentang betapa pentingnya ditingkatkan usaha untuk membantu rakan-rakan yang lain dalam perusahaan pembinaan. Jikalau kita hanya mementingkan diri sendiri dan tidak sedia berkongsi, memang benar kita masih lagi mendapat keuntungan. Tetapi cara sedemikian merupakan keuntungan dari segi jangka pendek sahaja. Sekiranya ia terus dilakukan, maka akibatnya ialah kerugian kepada semua pihak dalam jangka panjang.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Selain daripada kursus-kursus teknikal seperti ini, Kementerian Kerja Raya melalui Pusat Khidmat Kontraktor juga telah merangka pelbagai program untuk memperkasa kontraktor Bumiputera bagi tahun 2014 ini seperti **Program Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi, Program Inspektorat Taraf Bumiputera dan Program Pembangunan Kapasiti Kontraktor Bumiputera.**

Program-program latihan dan pembangunan kontraktor Bumiputera seperti yang dinyatakan tadi perlu dilaksanakan bagi memastikan kontraktor Bumiputera sentiasa berkemahiran dan mempunyai pengetahuan yang meluas dalam industri pembinaan. Selain itu, program-program sebegini dijangka dapat memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera untuk meluaskan pasaran dan jaringan perniagaan di kalangan usahawan binaan.

Di kesempatan ini juga saya ingin menekankan kepada barisan kontraktor yang hadir pada hari ini agar menerapkan dalam diri semangat ingin bersaing untuk lebih maju. Hal ini kerana untuk mencapai taraf dunia, cita-cita tinggi harus diiringi dengan cetusan usaha, semangat dan daya juang yang padu. Hal ini kerana orang yang berjaya ialah bukan orang yang pandai tetapi orang yang tidak pernah berhenti berusaha dan tidak pernah berputus asa.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan kursus pada hari ini.

Jika pergi istana raja,

Elok memakai tenunan sutera,

Terus maju terus usaha,

Semoga berjaya kontraktor bumiputera,

Mekar indah ladangan bunga

Buat wangian si anak daea

Terima kasih buat semua

Atas budi dan juga jasa

Sehubungan itu, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan “Program Khidmat Masyarakat Kerja-Kerja Mengecat Dan Latihan Praktikal” di Surau Kg Gana, Papar, Sabah pada hari ini.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum*
Warahmatullahi Wabarakatuh.